# PANDUAN KOD PERBELANJAAN BAGI GERAN PENYELIDIKAN

## Pengenalan

Panduan ini disediakan bagi membantu penyelidik menyediakan belanjawan bagi kertas cadangan penyelidikan. Ia perlu dibaca bersama garis panduan geran serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya. Selain itu, ianya adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh pembiaya dari semasa ke semasa.

| VOT | DESKRIPSI | |
|---|---|---|
| | **SELAIN GERAN KPM (DANA UNIVERSITI, AGENSI LUAR, ANTARABANGSA)** | **GERAN KPM (FRGS,PRGS,LRGS,TRGS,FRGS-RACER,RAGS,ERGS,RACE,FRGS-MRSA dll)** |
| 11000 | **Upah dan Elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)/ Pegawai Penyelidik (RO)/ Pembantu Penyelidik (RA)/ Siswazah Pelatih (Graduate Intern)**<br><br>Contoh:<br>Pembantu Penyelidik (RA)<br>Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)<br>Pegawai Penyelidik (RO)<br>Siswazah Pelatih | **Elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant - GRA) mod penyelidikan sepenuh masa sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,300.00 untuk pelajar Ph.D dan RM1,800.00 untuk pelajar Sarjana.**<br><br>Contoh:<br>Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)<br>Pembantu Penyelidik (RA) (PRGS sahaja)<br>Pegawai Penyelidik (RO) (PRGS sahaja)<br>Siswazah Pelatih (KTP sahaja) |
| 21000 | **Perjalanan dan Pengangkutan**<br>- Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan dalam dan luar negara yang berkaitan dengan projek serta apa-apa yang dibenarkan oleh pembiaya.<br>- Perbelanjaan bagi menghadiri seminar dalam/luar negara dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan **tidak boleh melebihi 20%** daripada jumlah peruntukan projek.<br>- Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk perjalanan adalah **40%** sahaja daripada jumlah peruntukan projek. | **Perjalanan dan Pengangkutan**<br>- Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.<br>- Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya Ketua Penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.<br>- Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan untuk membentangkan hasil penyelidikan. |

PANDUAN KOD PERBELANJAAN BAGI GERAN PENYELIDIKAN

<table>
<tr><th rowspan="2">VOT</th><th colspan="2">DESKRIPSI</th></tr>
<tr><th>SELAIN GERAN KPM (DANA UNIVERSITI, AGENSI LUAR, ANTARABANGSA)</th><th>GERAN KPM (FRGS,PRGS,LRGS,TRGS,FRGS-RACER,RAGS,ERGS,RACE,FRGS-MRSA dll)</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>- Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.<br>- Untuk menghadiri persidangan ke luar negara selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.<br>- Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.<br>- Bagi Geran PRGS, perjalanan domestik dan antarabangsa tidak melebihi 15% daripada jumlah geran dengan kelulusan Jawatankuasa Penilai JPT, KPM.</td></tr>
<tr><td>23000</td><td>Komunikasi dan Utiliti<br>- Melibatkan perbelanjaan komunikasi dan utiliti berkaitan penyelidikan sahaja (bil/prabayar telefon/faks/pos dll)<br><br>Contoh:<br>1. Kad prabayar<br>2. Bil telefon/faks<br>3. Pengeposan surat/soal selidik (pos biasa, mel udara, mel berdaftar dan ekspres)<br>4. Bil elektrik/air/gas</td><td>Tidak dibenarkan</td></tr>
<tr><td>24000</td><td>Sewaan<br>- Sewaan dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.<br><br>Contoh:<br>1. Sewaan kenderaan<br>2. Sewaan makmal<br>3. Sewaan barang elektrik/elektronik</td><td>Sewaan<br>- Sewaan dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Setiap cadangan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.<br>Contoh:<br>1. Sewaan kenderaan<br>2. Sewaan makmal<br>3. Sewaan barang elektrik/elektronik</td></tr>
</table>

## PANDUAN KOD PERBELANJAAN BAGI GERAN PENYELIDIKAN

<table>
<tr><th rowspan="2">VOT</th><th colspan="2">DESKRIPSI</th></tr>
<tr><th>SELAIN GERAN KPM (DANA UNIVERSITI, AGENSI LUAR, ANTARABANGSA)</th><th>GERAN KPM (FRGS,PRGS,LRGS,TRGS,FRGS-RACER,RAGS,ERGS,RACE,FRGS-MRSA dll)</th></tr>
<tr><td>27000</td><td>Bekalan dan Bahan Penyelidikan<br>- Perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.<br><br>Contoh:<br><br>1. Alat Tulis<br>2. Katrij Mesin Pencetak<br>3. Perisian Komputer<br>4. Pangkalan Data<br>5. Bahan Mentah<br>6. Buku dan bahan rujukan<br>7. CD/Pendrive/Harddisk</td><td>Bekalan dan Bahan Penyelidikan<br>- Perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.<br><br>Contoh:<br><br>1. Perisian Komputer<br>2. Pangkalan Data<br>3. Bahan Mentah</td></tr>
<tr><td>28000</td><td>Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai<br>- Perbelanjaan baik pulih dan pengubahsuaian kecil terhadap bangunan, peralatan atau barang berkaitan penyelidikan sahaja dibenarkan.<br><br>Contoh:<br>1. Baik pulih komputer/laptop/peralatan ICT dan komunikasi</td><td>Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai<br>- Perbelanjaan baik pulih dan pengubahsuaian kecil terhadap bangunan, peralatan atau barang berkaitan penyelidikan sahaja dibenarkan.<br><br>Contoh:<br>1. Baik pulih komputer/laptop/peralatan ICT dan komunikasi</td></tr>
<tr><td>29000</td><td>Perkhidmatan Ikhtisas<br>- Vot ini meliputi lain-lain caj perkhidmatan termasuk yuran penerbitan, yuran menghadiri seminar, mesyuarat/bengkel penyelidikan, percetakan, hospitaliti, honorarium, pengurusan, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan</td><td>Perkhidmatan Ikhtisas<br>- Vot ini meliputi lain-lain caj perkhidmatan termasuk yuran penerbitan, yuran menghadiri seminar, mesyuarat/bengkel penyelidikan, percetakan, hospitaliti, honorarium, pengurusan, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang</td></tr>
</table>

## PANDUAN KOD PERBELANJAAN BAGI GERAN PENYELIDIKAN

<table>
<tr><th rowspan="2">VOT</th><th colspan="2">DESKRIPSI</th></tr>
<tr><th>SELAIN GERAN KPM (DANA UNIVERSITI, AGENSI LUAR, ANTARABANGSA)</th><th>GERAN KPM (FRGS,PRGS,LRGS,TRGS,FRGS-RACER,RAGS,ERGS,RACE,FRGS-MRSA dll)</th></tr>
<tr><td></td><td>projek penyelidikan.<br><br>Contoh:<br><br>1. Yuran seminar/persidangan<br>2. Yuran penerbitan<br>3. Yuran Kursus/Program Sangkutan Jangka Pendek<br>4. Perkhidmatan penterjemahan<br>5. Perkhidmatan pembacaan pruf<br>6. Perkhidmatan Pemprosesan Data (Data entry, Data analysis)<br>7. Pembanci<br>8. Kos percetakan<br>9. Penjilidan laporan akhir<br>10. Pakej Bengkel/Mesyuarat/Perbincangan/ Focus Group<br>11. Honororium/cenderahati kepada responden /pakar<br>12. Pembayaran pemfailan harta intelek<br>13. Yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas</td><td>berkaitan dengan projek penyelidikan.<br><br>Contoh:<br><br>1. Yuran seminar/persidangan<br>2. Yuran penerbitan<br>3. Yuran Kursus/Program Sangkutan Jangka Pendek (Jumlah perbelanjaan tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran)<br>4. Perkhidmatan penterjemahan<br>5. Perkhidmatan pembacaan pruf<br>6. Perkhidmatan Pemprosesan Data (Data entry, Data analysis)<br>7. Pembanci<br>8. Kos percetakan<br>9. Penjilidan laporan akhir<br>10. Pakej Bengkel/Mesyuarat/Perbincangan/ Focus Group<br>11. Honororium kepada responden/pakar<br>12. Pembayaran pemfailan harta intelek (PRGS sahaja)</td></tr>
<tr><td>35000</td><td>Aksesori dan Peralatan<br>- Pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan. Aksesori dan peralatan yang melebihi RM 2500.00. Peralatan dan aksesori mesti didaftarkan sebagai aset universiti. Jumlah yang dipohon tidak melebihi 40% daripada jumlah</td><td>Aksesori dan Peralatan<br>- Pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan. Jumlah yang dipohon tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.</td></tr>
</table>

## PANDUAN KOD PERBELANJAAN BAGI GERAN PENYELIDIKAN

| VOT | DESKRIPSI | |
|---|---|---|
| | **SELAIN GERAN KPM (DANA UNIVERSITI, AGENSI LUAR, ANTARABANGSA)** | **GERAN KPM (FRGS,PRGS,LRGS,TRGS,FRGS-RACER,RAGS,ERGS,RACE,FRGS-MRSA dll)** |
| | keseluruhan geran.<br><br>Contoh:<br>1. Mesin Pencetak<br>2. Komputer/Laptop<br>3. Peralatan ICT dan komunikasi<br>4. Peralatan Makmal | |

***Tarikh kemaskini_4 Mac 2020**